



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. :

31 Mei 2021

Semua Pemegang Lesen MPOB

Tuan,

SURAT KEBENARAN PERJALANAN UNTUK MEMBELI, MENJUAL, MENGALIH, MENGUJI DAN MENYIASAT KELUARAN KELAPA SAWIT DI SELURUH NEGARA SEMASA PELAKSANAAN PENUTUPAN PENUH SEKTOR SOSIAL DAN EKONOMI ATAUPUN *TOTAL LOCKDOWN* FASA PERTAMA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana sedia maklum, kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun ***total lockdown*** Fasa Pertama di seluruh negara bermula pada 1 - 14 Jun 2021. Lanjutan daripada pengumuman tersebut, pihak Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi selaku kementerian yang bertanggungjawab terhadap sektor agrikomoditi melalui surat bertarikh 31 Mei 2021 telah memberi kuasa kepada MPOB untuk mengeluarkan surat kebenaran beroperasi bagi sektor sawit dan rantaiannya.

3. Kegiatan sektor perladangan dan komoditi termasuk aktiviti industri sawit dan rantaiannya telah disenaraikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu dan dibenarkan beroperasi seperti biasa namun perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ketat yang dikeluarkan oleh MKN.

4. Sehubungan itu, perjalanan semasa pelaksanaan ***total lockdown*** tuan perlu menunjukkan surat ini kepada pihak berkuasa (Polis, Tentera, Majlis Tempatan dan lain-lain) sebagai surat kebenaran untuk menjalankan operasi (membeli, menjual, mengalih, menguji dan menyiasat) keluaran kelapa sawit.

5. Di samping itu, tuan juga dikehendaki menunjukkan salinan lesen MPOB yang dimiliki ataupun sebarang dokumen pengalihan keluaran kelapa sawit dari pihak penjual dan pembeli (seperti MPOB L3 atau arahan penyerahan buah kelapa sawit yang ditandatangani pekebun kecil) kepada pihak berkuasa berkenaan. Dipohon kerjasama daripada pihak tuan dalam memastikan SOP pelaksanaan ***total lockdown*** serta arahan MKN dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Imbas untuk semak kesahihan

Yang benar,

DR. AHMAD PARVEEZ HJ GHULAM KADIR
Ketua Pengarah

